

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1987/88

PLG_414 - Kaedah Mengajar Bahasa Malaysia III

Tarikh: 5 November 1987

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 jam)

Calon-calon dikehendaki menjawab **TIGA** soalan sahaja. Soalan PERTAMA adalah wajib. Pilihlah mana-mana DUA soalan lagi.

1. Setelah tamat pengajian di sini, anda telah ditugaskan di sebuah sekolah jauh di pedalaman. Sekolah ini baharu saja membuka Tingkatan IV. Taraf kecekapan dan penggunaan bahasa Malaysia di kalangan murid adalah amat rendah.

Menyedari hakikat ini Guru Besar sekolah berkenaan meminta kepakaran anda merancang dan membina satu kurikulum bahasa Malaysia yang lebih sesuai dengan sekolah berkenaan.

Sila rangkakan kurikulum bahasa Malaysia seperti yang diminta.

(40 markah)

2. Huraikan konsep 'kesahan', 'ketekalan' dan 'kebolehpercayaan' dengan merujuk khusus kepada penilaian atau pengujian bahasa Malaysia.

(30 markah)

3. Memeriksa dan memarkahkan sesebuah karangan adalah suatu kerja yang rumit. Bincangkan kenyataan di atas serta tunjukkan bagaimana masalah-masalah pemarkahan dapat diatasi.

(30 markah)

4. Guru-guru bahasa Malaysia kini hanya menumpukan kepada pengajaran rumus-rumus bahasa atau aspek teori-teori bahasa tetapi kurang mementingkan aspek kebudayaan. Bincangkan.

(30 markah)

...2/-

(PLG 414)

- 2 -

5. Tunjukkan bagaimana anda dapat mengajar puisi dan bahasa klasik dengan menarik dan berkesan.

(30 markah)

oooooooooooo